



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI



28/2023

## KENYATAAN MEDIA

### 25 TAHUN PENUBUHAN TEKUN NASIONAL: MEMPERKASA USAHAWAN INFORMAL DAN MIKRO

**KAJANG, 28 Oktober 2023** – Belanjawan 2024 menyaksikan pengumuman YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri berhubung peruntukan berjumlah RM330 juta kepada TEKUN Nasional untuk membantu lebih ramai usahawan informal dan mikro. Sebanyak RM30 juta diperuntukkan untuk perniagaan yang diusahakan oleh masyarakat India.

Pengumuman ini membuktikan peranan TEKUN Nasional yang merupakan agensi dibawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sangat penting dalam membantu usahawan informal dan mikro sepanjang 25 tahun penubuhannya.

Menurut YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Iltizam Kerajaan MADANI adalah untuk merangsang lebih banyak penyertaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam sektor keusahawanan berdaya maju dan mapan menerusi pelbagai ikhtiar seperti dana pembiayaan dan pembangunan kapasiti bagi memastikan sumbangan PMKS kepada KDNK dapat dicapai sepertimana yang digariskan di dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) iaitu peningkatan sebanyak 50% pada tahun 2030.

Beliau turut menzahirkan harapan agar TEKUN Nasional terus komited dalam memainkan peranan bagi merealisasikan Ekonomi MADANI:Memperkasa Rakyat, sebagai wadah mengangkat semula darjat dan martabat negara.

Sempena Majlis Sambutan 25 Tahun TEKUN Nasional, YB Datuk Ewon menyampaikan sijil, trofi dan wang tunai kepada seramai 21 orang usahawan TEKUN Nasional yang

diberi pengiktirafan Anugerah Usahawan Berjaya. Kriteria pemilihan ini berdasarkan prestasi perniagaan yang menunjukkan peningkatan selepas pembiayaan TEKUN Nasional diperolehi serta bayaran balik pembiayaan yang memuaskan.

TEKUN Nasional turut memberi pengiktirafan kepada warga kerja melalui penyampaian Anugerah TEKUN Cawangan Terbaik yang dimenangi oleh TEKUN Cawangan Raub dan Anugerah TEKUN Negeri Terbaik yang disandang oleh TEKUN Negeri Pahang.

Sejak ditubuhkan pada 9 November 1998, TEKUN Nasional telah membantu hampir 600 ribu usahawan informal dan mikro di seluruh negara dengan nilai pembiayaan berjumlah RM8.85 bilion bagi memenuhi keperluan modal perniagaan melalui kemudahan pembiayaan kepada usahawan informal dan mikro.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh TEKUN Nasional untuk manfaat rakyat di Malaysia ini khususnya berkaitan perniagaan. Sepanjang 25 tahun beroperasi, TEKUN Nasional turut mempelbagaikan produk pembiayaannya bagi memenuhi keperluan dan memberi pilihan kepada usahawan dalam bidang keusahawanan seiring dengan perubahan dan kehendak semasa.

Hadir sama di majlis ini ialah YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP, YBhg. Dato' Seri Suriani binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dan YBhg. Dato' Hj Abdul Sani bin Abdul Hamid, Pengurus TEKUN Nasional serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan agensi.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
PUTRAJAYA**